

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH [SANDAKAN]**

TARIKH : 27 MEI 2015

SOALAN :

YB Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah doktor di hospital awam bertukar ke sektor swasta kerana ganjaran yang rendah dan juga dakwaan bahawa kemudahan-kemudahan di hospital awam kurang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan Pegawai Perubatan yang meletak jawatan pada tahun 2014 adalah seramai 882 orang, terdiri daripada 739 orang (2.85 peratus) Pegawai Perubatan Bukan Pakar dan 143 orang (3.53 peratus) Pegawai Perubatan Pakar. Berdasarkan rekod, terdapat seramai 198 orang Pegawai Perubatan dan 37 orang Pegawai Perubatan Pakar yang meletakkan jawatan atas alasan mereka ingin bekerja di sektor swasta. Selain daripada bekerja di sektor swasta, alasan lain yang diberi ialah mendapat tawaran sebagai pensyarah di IPTA/IPTS, menyambung pelajaran dan masalah peribadi. Secara umumnya, peratusan peletakan jawatan Pegawai Perubatan berbanding pengisian jawatan adalah sebanyak 2.94 peratus untuk tahun 2014.

Antara langkah yang diambil oleh KKM bagi mengekalkan perkhidmatan Pegawai Perubatan dalam sektor awam ialah menambah baik laluan kerjaya seperti berikut:

- (i) Pelaksanaan kenaikan pangkat secara *time based* di mana tempoh keseluruhan untuk berada di Gred 54 dari tarikh lantikan ialah 9 tahun bagi Pegawai Perubatan Pakar dan 12 tahun bagi Pegawai Perubatan Bukan Pakar tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan;
- (ii) Kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi seperti JUSA atau Gred Khas sama ada secara hakiki atau secara Khas Untuk Penyandang (KUP); dan

- (iii) Bayaran insentif serta elaun tambahan seperti Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa (*On-Call*), Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal, Bayaran Insentif Pakar, Bayaran Insentif Klinik Selepas Waktu Pejabat (*Locum*) dan Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (EKMLTK).

Walaupun langkah-langkah dalam meningkatkan kemajuan kerjaya dilaksanakan oleh KKM, peletakan jawatan Pegawai Perubatan daripada berkhidmat dalam sektor awam tidak dapat dihalang kerana pelantikan ke dalam perkhidmatan awam adalah berdasarkan Akta Perubatan 1971 di mana mereka perlu menjalani latihan siswazah dan perkhidmatan wajib dengan Kerajaan. Selepas tamat tempoh perkhidmatan wajib tersebut, Pegawai Perubatan boleh memilih untuk terus berkhidmat dengan Kerajaan atau berkhidmat dalam sektor swasta.